

07 OCT 1997

Taib - Mahathir

SARAWAK BANGGA DENGAN KEBERANIAN DR MAHATHIR

KUCHING, 7 Okt (Bernama) -- Kerajaan Sarawak hari ini melahirkan sokongan padunya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan menyatakan ia bangga dengan keberanian Perdana Menteri melindungi kepentingan Malaysia dan negara-negara membangun.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud juga melahirkan sokongan padu parti pimpinannya Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) kepada Dr Mahathir.

Beliau berkata rakyat sentiasa menyokong usaha Dr Mahathir menentang sebarang serangan asing terhadap pasaran mata wang.

Sebuah lagi komponen Barisan Nasional Sarawak, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), parti politik tertua di negeri ini turut memberikan sokongan padu kepada Perdana Menteri dan mahu rakyat juga berbuat begitu.

Pengerusinya Datuk Dr George Chan berkata inilah masanya rakyat berdiri teguh di belakang Perdana Menteri yang telah berjaya memimpin negara ini sehingga menjadi antara negara yang paling membangun di rantau ini.

"Kami 100 peratus di belakang beliau," kata Chan.

Chan, yang juga Timbalan Ketua Menteri berkata, SUPP juga memberi sokongan penuh kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Semalam dua lagi parti BN negeri, Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) melahirkan sokongan mereka kepada Dr Mahathir dalam mengendalikan krisis kejatuhan nilai ringgit. --BERNAMA

RDY NN MAI